HELAIAN TUGASAN
(Assignment Sheet)

NAMA MODUL	**PEMBANGUNAN JIWA INSAN (PUJI)**		
TAJUK	**WUDHUK**		
OBJEKTIF PRESTASI TERMINAL	Mengetahui dan beramal dengan pemahaman serta pengamalan yang betul tentang wudhuk. Ia turut diamalkan secara konsisten dalam kehidupan seharian.		
NAMA		**NO. K/P**	

TUJUAN :

Kertas tugasan ini adalah untuk pelatih ;

1. Menguji tahap kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang wudhuk.
2. Menguji kefahaman dan pengetahuan pelatih tentang ciri wudhuk yang betul dan kepentingan memahaminya.

ARAHAN :

1. Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang terkandung dalam Helaian Tugasan ini.
2. Baca dengan teliti sebelum menjawab semua soalan berikut.

1. Rukun wuduk ada enam. Pernyataan yang manakah BUKAN merujuk kepada rukun wudhuk ?

   A. Membaca lafaz “Bismillah”
   B. Niat wuduk
   C. Membasuh muka
   D. Membasuh kaki

LIVEWORKSHEETS

2. Berniat ketika mengambil wuduk merupakan satu kewajipan. Bilakah seseorang perlu berniat di dalam hati ketika berwudhuk?

   A. Ketika sebelum memulakan membasuh pergelangan tangan
   B. Ketika berkumur
   C. Ketika membasuh muka
   D. Ketika membasuh tangan hingga ke siku

3. Perbuatan berikut dikategorikan sebagai perkara sunat dilakukan ketika berwuduk. Pernyataan yang manakah menunjukkan BUKAN perkara sunat ketika berwuduk?

   A. Membasuh kedua-dua tangan hingga pergelangan
   B. Berkumur
   C. Memasukkan air ke dalam hidung dan mengeluarkannya
   D. Menyapu rambut dengan air

4. Dimanakah had kawasan muka yang perlu dibasuh ketika mengambil wudhuk ?

   A. Bulu kening hingga ke dagu
   B. Pipi kanan hingga ke pipi kiri
   C. Pertengahan kepala hingga bawah dagu
   D. Keseluruhan muka bermula anak rambut sehingga bawah dagu, dari pelipis pipi kanan hingga ke pelipis pipi kiri

5. Ahmad telah mengambil wudhuk di rumah sebelum pergi ke masjid bermula dari awal sehingga membasuh telinga secara tertib tetapi tidak membasuh kakinya secara sengaja dan membasuhnya kembali setelah tiba di masjid. Apakah yang terjadi pada wudhuk Ahmad tadi ?

   A. Harus hukumnya dan sah wudhuk Ahmad
   B. Haram hukumnya dan tidak sah wudhuk Ahmad
   C. Makruh hukumnya dan tidak sah wudhuk Ahmad
   D. Sunat hukumnya dan sah wudhuk Ahmad

6. Abu mengambil wudhuk setiap anggota sebanyak 3 kali. Apakah hukum perbuatan Abu itu ?

   A. Harus
   B. Haram
   C. Wajib
   D. Sunat

LIVEWORKSHEETS

7. Ketika Mukhlis melakukan solat Zohor ada seekor burung telah hinggap dan membuang najis di atas tangan Mukhlis. Apakah yang perlu dilakukan oleh Mukhlis ?

   A. Berhenti solat dan bersihkan najis dan solat kembali dan perlu berwudhuk semula
   B. Berhenti solat dan bersihkan najis dan solat kembali tanpa perlu berwudhuk
   C. Tidak perlu berhenti solat dan membiarkan sahaja najis tersebut sehingga selesai solat
   D. Berhenti solat dan bersihkan najis dan tidak perlu solat kembali

8. Antara berikut yang manakah BUKAN sebab diharuskan bertayammum ?

   A. Ketiadaan air
   B. Tidak boleh menggunakan air
   C. Air mencukupi untuk kegunaan makan, minum dan membasuh pakaian
   D. Air yang ada sekadar untuk minum sahaja

LIVEWORKSHEETS